



Situasi di Kafeteria Kolej Kediaman Tun Fuad

Foto Oleh Muhammad Hamka Hisham

## Kelengkapan Fasiliti Kafeteria Jamin Keselesaan Pelanggan

Oleh Muhammad Hamka Hisham  
[Hamkahisyam@yahoo.com](mailto:Hamkahisyam@yahoo.com)

Bercakap mengenai kafeteria, soal kemudahan sememangnya harus diambil berat bagi memastikan keselesaan pelanggan. Kemudahan yang boleh kita nyatakan disini adalah seperti kelengkapan kerusi dan meja yang cukup, tong sampah, tandas, singki, kemudahan jalur lebar dan juga televisyen bagi menarik perhatian pelanggan.

Kemudahan atau fasiliti yang ada perlulah sentiasa dijaga dengan baik bagi menjamin keselesaan mahasiswa kerana mereka ini

merupakan pelanggan tetap kafeteria kolej kediaman. Namun, jika kita lihat pada hari ini, masih terdapat kekurangan dari segi kemudahan yang disediakan oleh pihak kafeteria, mahupun pihak pentadbiran yang menguruskan kafeteria.

Namun, jika dilihat kafeteria seperti di kolej kediaman Universiti Malaysia Sabah (UMS), khususnya Kolej Kediaman Sri Angkasa (KSA), kemudahan masih lagi memuaskan dan terdapat sedikit kepinangan berdasarkan pemerhatian kami dan temubual

daripada Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) serta beberapa orang mahasiswa.

**“Kafeteria Kolej Kediaman Sri Angkasa yang kekurangan dari segi kemudahan kerusi dan meja.”**

Sebagai contoh yang dapat kita lihat adalah kafeteria Kolej Kediaman Sri Angkasa yang kekurangan dari segi kemudahan kerusi dan meja buat pelanggan iaitu kira-kira hanya mampu memuatkan dalam 50 orang sahaja. Sedangkan jika diteliti, residen Kolej Kediaman Angkasa adalah antara yang paling ramai iaitu kira-kira lebih 2000 orang residen. Perkara ini sememangnya menjadi isu dalam kalangan mahasiswa memandangkan di kawasan kafeteria tersebut terdapat kemudahan jalur lebar bagi kegunaan mahasiswa untuk mendapat capaian internet.

Kecenderungan mahasiswa untuk menggunakan kemudahan jalur lebar di kafeteria khususnya Kolej Kediaman Angkasa adalah kerana kurangnya kekuatan capaian internet di ruangan bilik mereka. Oleh hal yang demikian, residen Kolej Kediaman Angkasa ini mula beralih arah ke kafeteria bagi mendapatkan jaringan jalur lebar. Namun sayang seribu kali sayang, kafeteria tersebut tidak mampu memuatkan jumlah residen dalam jumlah yang ramai bagi satu tempoh masa.

Bagi Nurshazwani Atikah, 22, yang juga merupakan salah seorang residen Kolej Kediaman Sri Angkasa, berkata jumlah kerusi dan meja yang terhad menyebabkan ramai residen kolej terpaksa membatakan niat untuk makan di kafeteria dan hanya membeli dalam bentuk dibungkus untuk dimakan di bilik. Hal ini demikian kerana bukan sahaja bilangan kerusi dan meja yang tidak mencukupi, malah keadaan perabot tersebut juga sangat menyediakan.

Kerusi dan meja yang tedapat di kafeteria di Kolej Kediaman Sri Angkasa boleh dikatakan berada dalam keadaan kurang baik. Terdapat sesetengah daripadanya yang bergoyang, patah dan juga berlubang. Hal ini sedikit sebanyak menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan mahasiswa untuk makan di kafeteria.



Bilangan kerusi yang tidak cukup di kafeteria KSA

Foto Oleh Muhammad Hamka Hisham



Makanan yang dijual di Kafeteria Kolej Kediaman Excellent

Foto Oleh Muhammad Hamka Hisham

Manakala menurut Noor Azrina



Noor Azrina Binti Tuah, 22

Foto Oleh Muhammad Hamka Hisham

Binti Tuah, 22, iaitu JAKMAS KKSA mengatakan bahawa beliau melihat mahasiswa lebih suka makan di bilik kerana di kafeteria kurang selesa kerana tiada kipas.

Bagi residen Kolej Kediaman Tun Mustapha, Khairul Asyraf Kadir, 22, tahap kebersihan tandas masih lagi tidak memuaskan. Hal ini demikian kerana tandas di kafeteria tidak diselenggara dengan baik malah ada daripadanya tiada air bagi kegunaan pengguna.

"Kadang-kadang, yang paling menyeduhkan adalah ada sesetengah tandas yang tidak mempunyai keperluan asas seperti baldi, gayung, hos dan juga sabun. Sudah tentu ianya menyukarkan pengguna sekiranya mereka menggunakan tandas" tambah pelajar Tahun Dua Program Akuakultur itu.

Cerita yang berbeza pula di Kolej Kediaman Excellent yang mempunyai bilangan kerusi dan meja yang mencukupi, namun kemudahan jalur lebar yang kurang baik merupakan antara salah satu masalah kemudahan yang terdapat di kafeteria tersebut.

Salah seorang residen Kolej Kediaman Excellent, Harhamsah bin Hairal, 22, berpendapat kemudahan jalur lebar adalah penting bagi mahasiswa memandangkan terdapat sesetengah mahasiswa yang

gemar membuat tugas di kafeteria.

"Ada sesetengah mahasiswa gemar membuat tugas kumpulan dengan berbincang di kafeteria namun disebabkan kekurangan capaian internet, hal ini menyukarkan proses perbincangan mereka", ulasnya lagi.

Menurutnya lagi, seharusnya jaringan jalur lebar haruslah ditambah baik seperti kafeteria-kafeteria lain yang mempunyai capaian jalur lebar yang baik. Hal ini demikian kerana tidak semua mahasiswa gemar melakukan tugas yang diberikan itu dibilik sahaja, adakalanya mereka mencari persekitaran baharu bagi mendapatkan "mood" untuk menyiapkan tugas.

Selain itu, kemudahan tandas juga perlu diditibratkan oleh pihak kafeteria bagi memastikan kesejahteraan pelanggan. Perkara ini perlu diberi perhatian secara serius memandangkan ramai mahasiswa mengadu mengenai tandas di kafeteria terutamanya dari segi kebersihan.

**"Fasiliti kafeteria sentiasa dipantau dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutamanya mahasiswa sendiri."**

Sementara itu, Yang Di-Pertua Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Excellent, Muhammad Syafiq Bin Mohd Faizal, 22, berkata fasiliti kafeteria sentiasa dipantau dan memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutamanya mahasiswa sendiri bagi memberi maklumat mengenai sebarang kerosakan cadangan penambahbaikan.

Menurutnya lagi, kemudahan sudah disediakan dan mencukupi untuk memudahkan pelajar dan mendapatkan keselesaan. Sekiranya ada yang kurang pelajar boleh membuat aduan di peti aduan yang disediakan di setiap kafe Kolej Kediaman di Universiti Malaysia Sabah. Kemudahan yang diberi hendaklah dijaga rapi oleh

pelajar agar dapat digunakan selama yang mungkin untuk masa kini dan generasi akan datang.

Ada satu kekurangan yang dikatakan oleh salah seorang pelajar iaitu kekurangan sabun untuk pelajar mencuci tangan selepas makan. Adakah perkara ini sepertinya disediakan oleh pihak Kolej Kediaman Kampung E ataupun pelajar itu sendiri? Namun perkara ini bukannya perkara yang boleh diperbesarkan.

Kemudahan tandas turut disediakan di kafe Kolej Kediaman Excellent namun sesetengah pelajar mengatakan bahawa kebersihan tandas tersebut sukar dijaga. Alat-alat seperti tisu tandas, sabun kurang disediakan. Hal ini menyebabkan pelajar kurang selesa menggunakan tandas tersebut atas sebab bau yang kurang menyelerakan dan kurang bersih.

"Kami sebagai JAKMAS sebenarnya lagi suka jika

mahasiswa terus membuat aduan secara terus kepada kami dan kami sememangnya memandang serius terhadap setiap aduan dan cadangan mereka. Lebih baik terus bersemuka dengan kami berbanding hanya menyatakan rasa ketidakpuashatian mereka di laman sosial", jelasnya lagi.

Tambah beliau lagi, setiap aduan yang diterima akan dibawa ke dalam mesyuarat secara bersama barisan felo dan pengetua kolej kediaman sebelum dibawa ke peringkat atasan bagi manfaat bersama. Bagi Exco Kebajikan Mahasiswa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mazdayana Andi Mohd Said, 22 berkata isu jalur lebar di kafeteria sedang diperhalusi oleh pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) bagi memastikan kemudahan jalur lebar dapat dinikmati oleh semua mahasiswa.

"Bagi kafeteria Kolej Kediaman Excellent, ssebenarnya masih menunggu daripada pihak Jabatan

Teknologi dan Maklumat (JTMK) bagi mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk pemasangan peranti jalur lebar. Seperti mana yang kita sedia maklum, Kolej Kediaman Tun Moustapha dan Tun Fuad telah menjalani pemasangan peranti fasa satu daripada tiga fasa yang dilakukan", tambahnya lagi.

Isu kemudahan di kafeteria sememangnya jika dibahaskan, sudah tentu tiada penghujungnya. Sudah pasti akan ada sahaja kelemahan dan kekurangan yang akan dihadapi. Namun begitu, sebagai mahasiswa dan pengguna, kita seharusnya menggunakan kemudahan yang ada dengan sebaiknya dan menjaga kemudahan tersebut agar sentiasa berada dalam keadaan baik. Tidak kiralah sama ada tandas, mahupun kerusi dan meja, setiap kemudahan perlulah dijaga dengan baik bagi menjamin kesejahteraan dan keselesaan bersama. Jika bukan dari diri mahasiswa itu sendiri, siapa lagi?



Salah satu gerai di Kafeteria Kolej Kediaman Excellent

Foto Oleh Muhammad Hamka Hisham